

# HARTA WAKAF 'AQAR DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL: ANALISIS TERHADAP SEKTOR KEUSAHAWANAN ISLAM

Hisham Bin Sabri<sup>i</sup>, Junaidah Abu Seman<sup>ii</sup> & Nur Adilah Othman<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia.  
hishams@usim.edu.my

## Abstrak

*Islam mengajak umat manusia melakukan amalan tabarru'. Sehubungan dengan itu, pensyariatan harta wakaf adalah sebahagian dari mekanisma yang mampu melonjak ekonomi umat Islam amnya. Terdapat pelbagai bentuk harta wakaf 'aqar seperti tanah, bangunan dan rumah. Oleh itu, kemudahan dari wakaf 'aqar ini boleh dijadikan sebagai fasiliti untuk pembangunan industri halal kepada para usahawan muslim. Antara usaha yang boleh dijalankan ialah menjadikan wakaf 'aqar berkenaan sebagai inkubator usahawan halal, lot operasi perniagaan, tanah untuk pertanian, serta penternakan berasaskan pensijilan Halal Malaysia. Sehubungan itu, saluran keuntungan dari perniagaan berkenaan akan disalurkan semula kepada penerima wakaf (al-mawquf alaih). Diharapkan dengan memaksimumkan penggunaan wakaf 'aqar, ia akan melonjatkan sektor Halal yang bersendikan keusahawanan Islam.*

## PENDAHULUAN

Wakaf secara dasarnya bertujuan melaksanakan tuntutan dana dan aset untuk kepentingan umat Islam. Ia boleh dimanfaatkan oleh komuniti bagi pelbagai tujuan sama ada untuk kepentingan dakwah dan keperluan asas fasiliti masyarakat. Kelebihan dalam melaksanakan konsep wakaf ini tidak boleh disangkal dan ia seharusnya menerajui perkembangan ekonomi umat Islam. Oleh itu, kekayaan yang diperolehi dari golongan muslim kaya akan dapat disalurkan dengan lebih efisien serta memenuhi keperluan syarak. Namun begitu, bagi merencanakan sektor keusahawanan Islam secara lebih holistik, ia boleh diperkasakan melalui proses pensijilan Halal Malaysia. Kejituan elemen wakaf 'aqar oleh usahawan Muslim yang berasaskan pematuhan pensijilan Halal

mampu membentuk eko sistem ekonomi umat Islam yang lebih mampan pada masa hadapan.

### **Pandangan Ulamak berkaitan definisi wakaf**

Waqf atau wakaf secara harfiah bererti berhenti, menahan, atau diam. Oleh itu, tempat memberhentikan kenderaan juga dipanggil mauqif. Namun dari aspek ibadah, situasi dimana seseorang mengerjakan haji turut merangkumi rukun haji iaitu wuquf di padang Arafah.

Definisi wakaf menurut pakar bahasa Arab menyatakan bahawa ianya mempunyai dua pengertian yang berbeza. Pertamanya ialah memberhentikan (Ibn Manzur 1997 15:373). Istilah ini juga digunakan dalam ilmu tajwid dengan menghentikan bacaan sama ada untuk berhenti terus ataupun untuk mengambil nafas baru bagi meneruskan pembacaannya. Wakaf mengikut ilmu tajwid ini tidak boleh dilakukan di pertengahan suku kata bahkan ia diwajibkan pada akhir ayat yang sempurna.

Manakala pengertian yang kedua pula ialah bermaksud pembekuan. Pengertian inilah yang bersesuaian dengan konteks wakaf yang akan dibicarakan dengan panjang lebar di dalam disertasi ini. Secara umumnya apa yang dimaksudkan dengan pembekuan ialah sebarang harta yang disebutkan sebagai harta wakaf tidak layak lagi untuk dijual beli atau dipindah milik. Namun perincian mengenai takrif wakaf di kalangan para ulamak akan dikupas selepas ini berdasarkan pandangan fuqaha' di dalam empat mazhab yang muktabar.

Secara umumnya apa yang dimaksudkan dengan pembekuan ialah sebarang harta yang disebutkan sebagai harta wakaf tidak layak lagi untuk dijual beli atau dipindah milik dan bersifat kekal<sup>228</sup>.

Menurut Imam Mohammad Khatib al-Syarbiniy definisi wakaf ialah menahan sesuatu barangan yang boleh dipergunakan dengan mengekalkan bentuk fizikalnya mengikut peraturan-peraturan yang telah dibenarkankan oleh syarak<sup>229</sup>.

---

<sup>228</sup> al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib bi tahqiq Adil Ahmad Abdul Mawjud. T.th. *al-Iqna' fi Hal al-faz Abi Shuja'*. Terbitan Dar al-Kutb al-Ilmiyyah, Beirut. Jil-2. Hlmn.: 165.

<sup>229</sup> al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib. 1352H/1933M. *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi. Jil-2. Hlmn.:376.

Secara umumnya penulis dapat merumuskan bahawa pendapat para fuqaha' menyatakan bahawa wakaf itu mestilah mempunyai beberapa ciri-ciri yang berikut iaitu:

- i. Syarat-syarat yang dituturkan oleh pewakaf hendaklah difahami, dinyatakan serta dilaksanakan.
- ii. Dipergunakan untuk faedah umum atau khusus.
- iii. Fizikal dan bentuk asalnya mesti kekal.
- iv. Digunakan mengikut lunas-lunas syarak.

### **Konsep wakaf dari perspektif al-quran dan as-sunnah**

Al-quran merupakan satu dokumen dan manual kepada kehidupan manusia sejagat. Ia memberikan cahaya ketika manusia berada dalam kegelapan. Kehebatannya tidak boleh disangkal lagi bahkan menjadi aspirasi kebanggaan umat manusia. Dustur yang dibawanya telah menggandakan kemajuan serta pembangunan komuniti dan alam sejagat. Maka tidak hairanlah, ramai di kalangan cendekiawan berusaha untuk mengungkap rahsia yang terkandung di dalam al-quran. Oleh itu, antara ilmu yang telah dicernakan oleh al-quran juga ialah menyeru umat manusia untuk mengamalkan dan bersedekah sebahagian dari harta yang dimiliki demi kepentingan umum. Ia telah dijelaskan dalam pelbagai surah dan diantaranya ialah seperti berikut:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ مِمَّا يَرْحَمُونَ وَ مِمَّا تَرْضَوْنَ وَمِمَّا تَرْضَوْنَ وَ مِمَّا تَرْضَوْنَ وَ مِمَّا تَرْضَوْنَ

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa Yang kamu sayangi. dan sesuatu apa jua Yang kamu dermakan maka Sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Surah al-Imran: 92

Oleh itu, menderma sebahagian harta sangat dituntut oleh Islam. Bahkan janji Allah s.w.t. kepada seluruh umat manusia dengan penghidupan yang bahagia di akhirat kelak menjadi momentum penggerak kepada konsep menderma. Selain itu juga, Allah s.w.t. juga akan memberikan ganjaran yang setimpal mengikut kepada jumlah *mal* yang

diinfaqkan untuk keperluan umum<sup>230</sup>. Oleh yang demikian, salah satu kaedah yang diutarakan oleh syariah dalam *menginfaqkan* harta ialah melalui kontrak wakaf.

Manakala dari sumber perundangan Islam yang kedua pula, hadis Rasulullah s.a.w. juga mengiktiraf setiap amalan kebajikan serta *infaq fi sabilillah*. Ia adalah asas bagi memberikan galakkan kepada umat Islam yang bertujuan mendapat keredhaan serta keberkatan di dunia dan akhirat. Perkara ini dapat dijelaskan melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud:

"*Apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, SEDEKAH JARIAH, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kepadanya.*"

Berdasarkan hadis berkenaan, Nabi Muhammad s.a.w. telah menyatakan tentang pengamalan konsep "amal jariah" boleh menjadi satu saham di akhirat kelak. Konsep amal jariah ini lebih berbentuk umum dan tidak dispesifikkan kepada sesuatu pengertian. Namun begitu, boleh difahami secara jelas bahawa ia juga melibatkan sedekah yang bersifat material iaitu merangkumi segala transaksi kontrak tabarru'. Oleh itu, ia juga memberikan pengiktirafan terhadap pensyariaan wakaf<sup>231</sup>.

Selain itu, dalam pelbagai keadaan dinyatakan bahawa para sahabat r.a. melakukan hibah. Namun ia memberikan pengertian yang luas dimana mencakupi konsep wakaf kerana wujudnya ikatan yang dapat membatasi penggunaan zat harta untuk tujuan tertentu. Dan menurut fiqh islami, bahawa yang diterimapakai adalah maksud dan pengertiannya, bukan lafaz dan ertinya<sup>232</sup>.

## **Jenis Wakaf Dan Sumbangannya Dalam Sektor Keusahawanan**

Sumbangan dari aset wakaf kepada masyarakat umum jelas kelihatan berasaskan pembangunan sosioekonomi umat Islam. Bahkan ia juga digerakkan secara rancak dan agresif bagi menjamin keluhuran serta kekuatan yang dimiliki oleh penggunaan konsep wakaf dalam sistem ekonomi Islam. Namun begitu, terdapat beberapa jenis wakaf dan antaranya ialah:

---

<sup>230</sup> Abdullah Bin Ahmad Bin Mahmud al-Nasafi. 2001. *Tafsir al-Nasafi al-Musamma Madarik al-Tanzil wa Haqiq al-Ta'wil*. Terbitan Dar al-Kutb al-Ilmiyyah, Beirut. Jil.-1. Hlmn: 148.

<sup>231</sup> Taqiyyudin Abu Bakar al-Husni al-Dimashqi al-Syafie bi tahqiq Muhammad Wahbi Sulaiman. 1991. *Kifayah al-Akhyar fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*. Terbitan Dar al-Khair, Beirut. Hlmn.: 304.

<sup>232</sup> Muhammad Abu Zahrah, terj. H. Muhammad Yusuf Sinaga. 2007. *Wakaf Menurut Agama & Undang-undang*. Terbitan Berlian Publications Sdn. Bhd., Puchong. Hlmn. 6.

## **Wakaf 'Aqar**

Dalam Islam, harta wakaf adalah sebahagian daripada kaedah membangunkan ekonomi umat Islam. Ia juga berupaya menjadi satu mekanisme baru dalam membentuk pengurusan harta Islam yang bersistematik. Antara jenis wakaf yang dimaksudkan ialah wakaf 'aqar yang merupakan harta yang tetap dan kekal serta tidak berlaku perubahan padanya. Setiap zat berkenaan tidak akan berkurangan walaupun seringkali digunakan. Antara contoh harta 'aqar ialah tanah, rumah, bangunan, lot kedai dan kenderaan.

## **Wakaf *Irsod***

Wakaf *irsod* pula bermaksud penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh mana-mana Pihak Berkuasa Negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana perbadanan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut hukum Syarak. Ia akan digunakan oleh setiap umat Islam demi memartabatkan keagungan syariah Islam. Namun begitu, ia seharusnya digunakan secara telus tanpa wujudnya sedikit ketidak telusan dalam sistem pengurusan wakaf itu sendiri. Apatah lagi jika harta berkenaan adalah datangnya dari pihak berkuasa yang kebiasaannya memerlukan proses yang agak panjang dalam meluluskan sesuatu aset berkenaan dengan status "wakaf".

## **Wakaf *Musyarak***

Wakaf *Musyarak* bermaksud penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *istibdal* dan saham wakaf. Bagi wakaf khas pula diertikan suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut hukum syarak, seperti mewakafkan tanah atau hasil (manfaat) daripada tanah berkenaan untuk tapak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim, ahli keluarga dan lain-lain yang dikhususkan oleh si pewakaf.

## **Hikmah wakaf**

Hikmah-hikmah yang terdapat ibadah dalam wakaf ialah:

- i. Menzahirkan pengabdian diri kepada Allah S.W.T.;
- ii. Mendekatkan diri dengan Allah;

- iii. Mendapat kebajikan yang berkekalan semasa hidup dan selepas pewakaf meninggal dunia;
- iv. Berkongsi manfaat di kalangan masyarakat Islam seperti membina masjid dan sekolah untuk menghidupkan syiar Islam dan aktiviti keilmuan;
- v. Mengukuhkan perpaduan ummah; dan
- vi. Memastikan pengekalan pemilikan dan perkongsian aset umat Islam.

### **Harta yang diwakafkan (*al-mawquf*)**

Harta-harta yang diwakafkan perlulah:

- i. Harta yang ditentukan (*ta'yin*).
- ii. Harta yang mempunyai nilai mengikut hukum syarak dan boleh diambil manfaatnya seperti tanah, bangunan, saham dan lain-lain.
- iii. Harta yang boleh dipindah milik, bukan harta ditahan seperti harta orang muflis atau harta anak yatim.
- iv. Harta yang boleh diambil manfaat berkekalan (masa yang lama).
- v. Harta yang hendak diwakafkan adalah milik sempurna pewakaf dan bukan harta orang lain seperti harta pinjaman, sewa atau sebagainya.

Ulama' mazhab Shafie berpendapat bahawa pemerintah Islam boleh mewakafkan (*irsod*) tanah hakmilik negara atau hakmilik Baitulmal sekiranya membawa kebaikan kepada umat Islam. Pewakafan ini dikecualikan daripada syarat harta yang hendak diwakafkan hakmilik pewakaf.

### **Penggunaan Terminologi Tanah dalam Manual**

Bagi menyeragamkan kefahaman mengenai istilah Tanah dalam penggunaan Manual ini, "tanah" ditakrifkan mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) sebagai termasuk:

- (a) permukaan bumi dan segala benda yang menjadi permukaan bumi tersebut;
- (b) bumi di bawah permukaan bumi dan segala benda di dalamnya;
- (c) segala tumbuh-tumbuhan dan lain-lain keluaran semulajadi, sama ada atau tidak memerlukan penggunaan buruh secara berkala untuk pengeluarannya, dan sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi;

(d) segala benda yang bercantum kepada bumi atau yang terpasang dengan kekal kepada apa-apa benda yang bercantum kepada bumi, sama ada di atas atau di bawah permukaan bumi; dan

(e) tanah yang diliputi oleh air.

### **Hak Pengurusan Harta Wakaf 'Aqar Dari Perspektif Usahawan**

Seperti yang diketahui umum, pengurusan merupakan perkara asas di dalam sesuatu organisasi. Sehubungan dengan itu, Islam telah mewujudkan suatu bentuk pentadbiran dan pengurusan yang perlu diketengahkan di dalam kontrak wakaf. Menurut mazhab Syafi'i, orang yang paling berhak dalam pengurusan harta wakaf ialah sesiapa sahaja yang disebut oleh pewakaf semasa kontrak itu dimeterai. Oleh yang demikian, sekiranya beliau menyatakan bahawa dirinya sendiri yang akan menguruskan pentadbiran harta tersebut, maka syarak tidak mempunyai sebarang halangan bagi diri beliau untuk berbuat demikian. Namun sekiranya beliau melantik orang lain dimana pada pandangannya orang tersebut mampu memikul tugas yang diamanahkan maka perlantikan itu akan berkuatkuasa setelah harta itu berpindah milik. Seinggakan apabila pewakaf itu meninggal dunia dan mewasiatkan perlantikan pengurusan harta wakafnya diserahkan kepada seseorang, maka pelaksanaan syarat tersebut hendaklah dibuat serta merta. Proses perlantikan ini wajib dilaksanakan memandangkan ia seperti kontrak lain yang dikategorikan sebagai akad sedekah. Pelaksanaan proses ini dibuat demi memenuhi keinginan pewakaf asal, menghilangkan sebarang syak wasangka dan menjaga kemaslahatan wakaf pada masa akan datang.

Pensyariatannya boleh dilihat berdasarkan apa yang dilakukan oleh Saidina Umar r.a. Beliau telah mengamanahkan agar harta yang diwakafkan itu ditadbir oleh anaknya iaitu Saidatina Hafsa r.a. Selain daripada itu, Umar juga telah mensyaratkan sekiranya Hafsa meninggal dunia maka pengurusan harta tersebut hendaklah diserahkan kepada golongan cerdik pandai yang terdiri daripada ahli keluarganya.

Walau bagaimanapun, sekiranya seseorang pewakaf tidak mensyaratkan individu tertentu dalam menguruskan harta tersebut maka kuasa bagi menguruskan harta wakaf akan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan. Ini disebabkan penguasaan pentadbiran sama ada hal yang berkaitan dengan perundangan dan harta benda awam mengikut sistem perundangan Islam diberikan secara mutlak kepada pihak yang berkuasa. Namun

dalam konteks keusahawanan, maka tiada masalah jika aset wakaf yang diberikan oleh umat Islam dibangunkan asalkan pengusaha berkenaan mempunyai ruh keislaman didalam dirinya. Keperluan memenuhi tuntutan syarak seharusnya diberikan keutamaan oleh usahawan sebelum mencari keuntungan yang berpadanan demi menjaga syariat Islam. Bahkan setiap garis panduan syarak seharusnya dipatuhi serta dikuatkuasakan sepanjang usahawan berkenaan menjalankan perusahaan berkenaan.

Pembangunan harta wakaf mempunyai matlamat untuk mengembalikan kebajikannya kepada masyarakat dengan motif utamanya adalah untuk kebajikan (wakaf am) dan juga memberi manfaat kepada ahli keluarga atau waris orang yang mewakafkan harta (wakif) tersebut (wakaf khas). Harta wakaf sudah tidak dinafikan lagi mempunyai potensi besar untuk membangunkan ekonomi umat Islam dan dapat membiayai kegiatan sosial serta kebudayaan masyarakat Islam.

Ia juga mampu menyediakan peluang-peluang pendidikan, membiayai kegiatan penyelidikan, memperbanyakkan peluang pekerjaan serta membantu mengurangkan perbelanjaan pengurusan yang ditanggung oleh kerajaan dan mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan (M.A. Mannan, 2001). Potensi tersebut mampu terserlah apabila harta wakaf ditadbir dan diurus secara profesional dan amanah dengan menggunakan pendekatan pengurusan berpaksikan hukum syarak. Proses pengembelian potensi wakaf perlu dilakukan sepenuhnya bagi memberikan kesan yang positif kepada umat Islam samada mereka sebagai golongan minoriti atau majoriti di dunia hari ini.

Wakaf juga merupakan contoh amalan kebaikan dimana segala pahalanya akan sampai kepada simati. Di dalam kitab *Tanbih al-Ghafilin* oleh Abullaiths Assamarqandi ada dihuraikan lagi aktiviti yang memberikan kesan pahala berpanjangan seperti berikut<sup>233</sup> :

“Yazid Arraqqasyi meriwayatkan dari Anas r.a. berkata “tujuh macam yang dapat diterima pahala sampai sesudah matinya; pertama, siapa yang membangunkan masjid

---

<sup>233</sup> Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa et.al. 2005. *Pengantar Perniagaan Islam*. Terbitan Prentice hall Sdn. Bhd. Cetakan kedua. Hlmn.: 159.

maka ia tetap mendapat pahalanya selama mana ada orang yang bersembahyang didalamnya. Kedua, Siapa yang mengalirkan air sungai, selama ada yang minum daripadanya. Ketiga, Siapa yang menulis mushaf, ia akan mendapat pahala selama amana ada orang yang emmbacanya. Keempat, Orang yang menggali sumur (perigi) selama masih ada orang yang menggunakan airnya. Kelima, Siapa yang menanam tanaman selama dimakan oleh manusia dan burung. Keenam, siapa yang mengajar ilmu yang bermanfaat, selama dikerjakan orang yang memepelajarinya. Ketujuh, orang yang meninggalkan anak yang salih.....”

### **Sumbangan Aset Wakaf 'Aqar Dalam Pembangunan Eko Sistem Pensijilan Halal Bersendikan Keusahawan**

Secara konseptual, elemen halal mampu memberikan impak yang positif dalam menyemarakkan pertumbuhan sosioekonomi umat Islam amnya. Manakala sumbangan wakaf yang dilakukan secara tidak langsung juga merangkumi perubahan kontrak iaitu dari yang bersifat tabarru' kepada mu'awadat. Seperti yang sedia maklum, asas kontrak wakaf adalah dari kontrak tabarru' yang bersifat kebajikan. Namun begitu, dengan pembangunan yang amat pesat dewasa ini, maka tidak hairanlah kontrak wakaf ini juga boleh menjadi pemain kepada salah satu mekanisma kontrak yang berasaskan keuntungan dan bisnes.

Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa pada akhirnya, hasil perolehan pendapatan dari perniagaan yang diusahakan dari aset wakaf sehaursnya dipulangkan kepada penerima wakaf atau dana wakaf tersebut. Bahkan kerjasama yang dikehendaki dalam merencanakan program-program pembangunan ekonomi mestilah mengikut kacamata Islam. Barang-barang ekonomi hanyalah bersifat wasilah hidup, manakala hidup pula adalah wasilah untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t<sup>234</sup>. Pelaksanaan konsep keusahawanan berteraskan wakaf ini hanya boleh dilakukan jika kontrak wakaf berkenaan diklasifikasikan dalam wakaf am dan khas. Antara contoh yang boleh dijelaskan ialah apabila tanah yang dimiliki oeh pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang luas boleh diusahakan untuk tujuan perusahaan asas tani. Adalah menjadi lebih

---


<sup>234</sup> Nor Mohamed Yakcop. 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem kewangan Di Malaysia*. Terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Cetakan kedua. Hlmn. 4.

baik jika perusahaan tersebut bergerak selari dengan dasar ekonomi kerajaan seperti pembangunan berasaskan tani bertujuan bagi mempercepatan pengembangan perusahaan yang bertunjangkan wakaf. Keuntungan yang diperolehi dari hasil wakaf seharusnya boleh dimasukkan semuala dalam tabung dana wakaf. Ia secara langsung dapat menambhakan kuantiti tabungan wakaf dan mampu memperluaskan sumbnagan wakaf kepada pembangunan ummah secara umum.

Begitu juga pewakafan yang berasaskan wang tunai. Ia juga boleh digerakkan dalam dunia perniagaan. Namun perlu ditegaskan bahawa ia mempunyai risiko yang tertentu jika pengurusannya tidak berada pada tahap yang mantap khususnya yang melibatkan pengurusan risiko. Sehubungan itu, bagi memberikan kesan yang lebih baik, maka adalah dicadangkan agar dana wakaf tunai ini diberikan untuk pembelian aset dan premis untuk perniagaan berasaskan pensijilan Halal Malaysia. Ia boleh diberikan kepada masyarakat Islam yang berpotensi dalam dunia keusahawanan. Eko sistem berkaitan halal perlu dilaksanakan seperti pentadbiran syarikat, pengurusan kewangan dan sumber manusia demi memantapkan ilmu perniagaan sebelum sesuatu bisnes dilakukan. Bahkan, penekanan jatidiri usahawan Muslim juga perlu ditekankan seperti pembudayaan semangat “tijarah al-qawiyy” serta “qudwah hasanah” dan “al-muraqabah wa ihsan”. Keadaan ini mampu menjadikan usahawan Muslim sebagai agen pemangkin ekonomi negara yang berkesan<sup>235</sup>.

---

<sup>235</sup> Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa & Raja Hisyamudin Raja Sulong, (2009), Prinsip-Prinsip Kualiti Ke Arah Melahirkan Usahawan Muslim Yang Berjaya, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 2, M/S: 334.



**Sumber: Model WUI-Halal (Hisham, Junaidah, Adilah, 2020)**

## KESIMPULAN

Usaha pembangunan yang boleh dimainkan oleh masyarakat tempatan dan individu perseorangan adalah sangat diperlukan. Penyerahan harta demi kelangsungan ummah untuk dijadikan sebagai harta wakaf adalah sangat signifikan. Justeru itu, usahawan muslim juga boleh menjalankan pelbagai usahasama secara kolektif demi menyemarakkan industri halal di Malaysia. Perkembangan industri keusahawan pula mampu menjangkau ke persada antarabangsa melalui pensijilan Halal Malaysia. Oleh itu, penambahan kuantiti harta wakaf secara tidak langsung dapat mempertingkatkan sosioekonomi umat Islam serta mampu melahirkan generasi berilmu seperti yang dilaksanakan oleh Kementerian *Awqaf*, Mesir di Universiti Al-Azhar. Oleh itu, pembangunan harta wakaf 'aqar perlu digembling secara kolektif bagi kemajuan ummah seagat. Tanpa sokongan dan dokongan dari para usahawan muslim serta eko sistem Halal, objektif dan pensyariatan wakaf tidak akan berlaku secara optimum. Dengan hasrat yang murni bertunjangan profil usahawan muslim Halal, aset wakaf yang berlegar di seluruh pelusuk tanah air akan dapat dibangunkan secara progresif dan efektif.

## RUJUKAN

- Abdullah Bin Ahmad Bin Mahmud al-Nasafi. 2001. *Tafsir al-Nasafi al-Musamma Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Ta'wil*. Terbitan Dar al-Kutb al-Ilmiyyah, Beirut.
- al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib bi tahqiq Adil Ahmad Abdul Mawjud. T.th. *al-Iqna' fi Hal al-faz Abi Shuja'*. Terbitan Dar al-Kutb al-Ilmiyyah, Beirut.
- al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib. 1352H/1933M. *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi.
- Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020
- Muhammad Abu Zahrah, terj. H. Muhammad Yusuf Sinaga. 2007. *Wakaf Menurut Agama & Undang-undang*. Terbitan Berlian Publications Sdn. Bhd., Puchong.
- Nor Mohamed Yakcop. 1996. *Teori, Amalan dan Prospek Sistem kewangan Di Malaysia*. Terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Arni Basir, Bharudin Che Pa & Raja Hisyamudin Raja Sulong, (2009), Prinsip-Prinsip Kualiti Ke Arah Melahirkan Usahawan Muslim Yang Berjaya, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 2, Universiti Malaya.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa et.al. 2005. *Pengantar Perniagaan Islam*. Terbitan Prentice hall Sdn. Bhd. Cetakan kedua.
- Taqiyyudin Abu Bakar al-Husni al-Dimashqi al-Syafie bi tahqiq Muhammad Wahbi Sulaiman. 1991. *Kifayah al-Akhyar fi Hal Ghayah al-Ikhtisar*. Terbitan Dar al-Khair, Beirut.